LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA TIGA (3) BLOK BANGUNAN LIMA (5) TINGKAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK KITASELANGOR PENYAYANG (KSP) TAHUN 2026 DI FLAT LC TAMAN SRI MANJA, JALAN PS 3/44, TAMAN SRI MANJA, 46000 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN **No. Sebut Harga: LPHS/SH/K/26/28** **No. Fail: LPHS.UPA.400-5/7/234**	**KONTRAKTOR TEMPATAN** & Berdaftar Di **NEGERI SELANGOR** Kontraktor Berdaftar dengan **CIDB** **Gred: G3** **Kategori: B (PEMBINAAN BANGUNAN)** **Pengkhususan: B14 (KERJA-KERJA CAT)** **Dan** **Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** Dan Berdaftar Dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor**	**RM50.00** **Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor** **(Dokumen Hanya Akan Dijual Kepada Syarikat Yang Hadir Lawatan Tapak)**	Tarikh: **02 NOVEMBER 2026 (ISNIN)** **Masa:** **02.30 PETANG** Tempat: **PEJABAT PENGURUSAN, FLAT LC TAMAN SRI MANJA** **Koordinat:** **3.074063 101.644295** Kehadiran Taklimat adalah **WAJIB** (Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)	**Bermula** **20 NOVEMBER 2026 (JUMAAT)** **Sehingga** **27 NOVEMBER 2026 (JUMAAT)**	**30 NOVEMBER 2026 (ISNIN)** **JAM 12.00 TENGAH HARI**

Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak bermula pada **30 OKTOBER 2026 (JUMAAT) pada** waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **03-5544 7647 (Unit Pentadbiran & Perolehan) dan 016-226 2480 (Unit Kejuruteraan & Teknikal).**

Dokumen Sebut Harga **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di https://tender.selangor.gov.my.**

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa DOKUMEN ASAL Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dan Berdaftar dengan UPEN Selangor serta masih aktif dan tempoh sah laku syarikat masih berkuatkuasa semasa pembelian dokumen sebut harga.** Sila bawa **satu salinan bagi setiap sijil tersebut (WAJIB)** semasa Lawatan Tapak Sebut Harga. **Sila Bawa Bersama Cop Syarikat (*PENERIMAAN DOKUMEN SECARA DALAM TALIAN / MOBILE TIDAK TERPAKAI. SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN)**

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserah secara ***Hardcopy*** yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Sebut Harga berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **SEBELUM ATAU PADA PUKUL 12.00 TENGAHARI, 30 NOVEMBER 2026 (ISNIN) kepada:**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM

Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak terikat menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.**

Kenyataan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) iaitu http://lphs.selangor.gov.my dan Sistem Tender Selangor https://tender.selangor.gov.my **TARIKH: 23 OKTOBER 2026 (JUMAAT)**